

18 JUL 2001

KIMMA BUAT LAPORAN POLIS TERHADAP GOPALAKRISHNAN

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA) hari ini meminta polis menyiasat anggota majlis tertinggi Parti Keadilan Nasional, N. Gopalakrishnan kerana telah melemparkan kata-kata kesat terhadap pemimpin negara.

Timbalan setiausaha agung KIMMA, Amir Amsaa Ali Pitchay berkata pihaknya telah membuat laporan di ibu pejabat daerah polis Sentul, di sini berhubung perkara itu.

Amir Amsaa mendakwa Gopalakrishnan telah mengeluarkan kata-kata kesat dan tidak senonoh terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam satu ceramah di Kelantan.

Adalah diharapkan polis akan menyiasat dan bertindak segera kerana kaset ucapan tersebut sedang dijual kepada umum, katanya dalam satu kenyataan kepada Bernama.

-- BERNAMA

CS ZS MOZ